

# UMS-KAL perkukuh hubungan dengan polis

Um02-01-2012 26

LABUAN 1 Jan. - Bagi mengukuhkan lagi kerjasama dengan pihak polis, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) mengadakan kunjungan hormat ke pejabat pengurusan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Labuan di sini baru-baru ini.

Pada majlis itu UMS-KAL yang diketuai Pengarahnya, Prof. Madya Dr. Ismail Ali mengadakan pertemuan dan perbincangan ringkas dengan Timbalan Ketua Polis Labuan, Deputy Supritendan Douglas Nye-giang Taong.

Menurut Ismail, dalam pertemuan itu pelbagai isu dibincangkan bagi meningkatkan kerjasama menangani pelbagai isu khususnya melibatkan keselamatan warga universiti.

“Pertemuan kali ini amat penting bagi meningkatkan lagi kerjasama yang telah lama terjalin antara UMS-KAL dan juga pihak polis.

“Kita amat menghargai peranan penting pihak polis dan akan terus menggiatkan usaha kerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan polis,” katanya di sini baru-baru ini.

Tambah Ismail, pihaknya berterima kasih kepada IPD Labuan kerana memberi kerjasama yang baik dalam menjayakan pelbagai program di universiti itu seperti program Graduan Berjubah baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ismail berkata, UMS sentiasa memberi perhatian bagi meningkatkan pembangunan akademik dan sahsiah pelajarannya ke tahap yang tinggi.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa berusaha menjadikan UMS sebagai institusi pengajian tinggi yang mampu melahirkan modal insan kelas pertama.